

Qalam

136, Jamadi al-Awwal 1381, November 1961, 60 Sen

Lagi Persoalan *Lottery*

Persoalan *lottery* semakin meluas lagi apabila Jabatan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mengadakan majlis perjumpaan mufti-mufti dan alim ulama yang di minta memberi pendapat- bukan bermuzakarah - di dalam perkara-perkara yang mengenai wang hasil daripada *lottery* masyarakat kerana jabatan itu menyedari perkara ini telah heboh berlalu di dalam kampung-kampung dan menerbitkan perpecahan umat Islam.

Sebenarnya persoalan *lottery* ini bukannya baharu sekarang ini mustahak difikirkan dan bukannya sekarang ini sahaja majlis raja-raja Melayu melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada ulama-ulama yang akan mengkaji persoalan itu daripada segala segi. Hal ini sepatutnya lebih lama dahulu sebelum keadaan masyarakat telah jadi bertelingkah.

Perhatikan sahaja tentang mendirikan masjid. Masjid-masjid yang dikehendaki oleh Islam bukannya agungnya tetapi takwanya. Dengan dasar takwa itulah dahulu masjid-masjid itu didirikan, dengan gotong royong. Apabila berdiri sahaja sebuah masjid di sebuah kampung maka tidaklah ada berbangkit sesuatu perselisihan di antara umat Islam di kampung itu. Masing-masing bersama-sama dengan rukun dan damai mereka berjemaah sembahyang di masjid itu. tidak pernah rasanya zat masjid yang di bina itu menerbitkan perpecahan.

Tetapi apabila ada masjid-masjid yang di bina daripada wang

hasil *lottery*, yang di pandang oleh sebahagiannya besar daripada umat Islam sebagai wang syubhah yang mesti di jauhan dan ditegah daripada di gunakan terutamanya untuk membina masjid maka di kampung-kampung timbullah perselisihan – bukannya sahaja fahaman tetapi mereka memandang bahawa kepada masjid yang di bina daripada wang hasil *lottery* masyarakat jangan berpecah-pecah kerananya.

Dengan terbina masjid-masjid daripada wang *lottery* itu maka terbitlah fitnah yang membawa perpecahan. Tidak syak lagi yang mendatangkan fitnah perpecahan itu ialah kerana masjid-masjid itu di bina daripada wang *lottery* kebajikan masyarakat. Maka tidaklah ada ertinya sekiranya ada orang berkata mengapa kita berpecah-pecah disebabkan perkara wang *lottery* masyarakat membina masjid dan meminta umat Islam jangan berpecah-pecah kerananya.

Untuk ini yang sebaik-baiknya ialah memberhentikan pemberian wang *lottery* masyarakat yang mendatangkan fitnah itu. Dengan itu sahaja perkara ini dapat diselesaikan.

Terlanjur telah menulis perkara ini maka mustahak kita membawa perhatian supaya jawatankuasa yang di lantik oleh majlis raja-raja Melayu mengenai penggunaan wang *lottery* masyarakat itu mengkaji :

1. Apa hukumnya berkepanjangan mengadakan *lottery*.
2. Bolehkah wang *lottery* yang teru berjalan itu dikias hukumnya sebagai wang yang putus miliknya dan tidak berupaya mencari yang punyanya.
3. Bolehkah menggunakan wang untuk membina masjid jika masih ada waham tentang menentukan halal dan haram wang itu.
4. Bagaimanakah kedudukan masjid-masjid yang telah di bina yang telah menerbitkan fitnah itu, dibiarkan sahaja atau dirobohkan.

Ini ialah sebahagiannya daripada perkara yang mustahak dikaji untuk menghapuskan perpecahan itu.